

02 JUL 2003

MCA-Pemuda

JAWATANKUASA KHAS PEMUDA TIDAK BERCANGGAH DENGAN JAWATANKUASA PARTI

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Fungsi Jawatankuasa Khas Pemuda MCA yang dianggotai wakil dua puak yang bertelagah sebelum ini tidak bertindih dengan peranan jawatankuasa parti yang ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah dalaman pergerakan itu.

Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee Keat berkata jawatankuasa khas lima anggota itu memberi tumpuan menyelesaikan masalah dalaman Pergerakan Pemuda di peringkat akar umbi manakala jawatankuasa parti seramai tiga anggota pula menyelesaikan masalah Pemuda di peringkat negeri dan bahagian.

"Sebenarnya, fungsi lima anggota ini tidak bertindih dengan fungsi tiga anggota dalam jawatankuasa parti, sebab yang penting ialah kedua-dua jawatankuasa ini saling melengkapi antara satu sama lain," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda MCA di Wisma MCA di sini, hari ini.

Beliau ditanya mengenai fungsi Jawatankuasa Khas Pemuda yang seolah-olah bertindih dengan fungsi jawatankuasa parti yang ditubuhkan atas arahan Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting dan timbalannya, Datuk Chan Kong Choy kerana masing-masing mahu menyelesaikan masalah dalaman pergerakan itu.

Setiausaha Agung Pemuda MCA Loh Seng Kok sebelum ini berkata jawatankuasa parti yang diketuai anggota jawatankuasa pusat, Datuk Hon Choon Kim telah dibentuk dalam usaha menyelesaikan masalah dalaman pemuda. Dua anggota lain ialah Datuk Poh Ah Tiam and Datuk Fu Ah Kiow.

Bagaimanapun, dua hari yang lepas, Ong berkata Pemuda MCA Kebangsaan akan menubuhkan Jawatankuasa Khas Pemuda diwakili lima orang bagi menyelesaikan kemelut dalaman sayap kanan parti itu, termasuk beberapa jawatan kosong yang belum diisi di peringkat negeri.

Beliau berkata Jawatankuasa Khas Pemuda yang diketuainya ditubuhkan hasil perjumpaannya dengan Presiden dan Timbalan Presiden parti baru-baru ini dengan harapan ia akan dapat menyelesaikan kemelut dalaman parti.

Anggota lain ialah Timbalan Ketua Pemuda Kebangsaan, Hoo Seong Chang, dua Setiausaha Agung Kebangsaan, Liow Tiong Lai dan Loh Seng Kok serta Setiausaha Penganjur Pemuda Kebangsaan, Tan Yoke Ching.

Ong berkata beliau sentiasa berhubung dengan anggota jawatankuasa parti itu dan mereka juga telah bersetuju menambah keanggotaan jawatankuasa parti kepada tujuh orang bagi membolehkan empat wakil daripada Jawatankuasa Khas Pemuda diterima sebagai ahli jawatankuasa parti.

Pada sidang media yang sama, Ong berkata mesyuarat Pemuda hari ini juga bersetuju mengadakan dialog dengan pihak yang bertanggungjawab dalam mengelolakan pinjaman mikro menerusi pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau juga berkata dialog itu akan diadakan dengan pertubuhan Cina serta pertubuhan keagamaan bagi mendapat maklum balas terhadap Rang Undang-undang Khidmat Negara.

"Kita juga membincangkan kes-kes rayuan yang dikendalikan Biro Pendidikan Pemuda MCA mengenai pelajar yang ingin melanjutkan ke universiti tetapi tidak mendapat tawaran," katanya.

Ong juga berkata mesyuarat itu turut membincangkan kes-kes rayuan yang dikemukakan pelajar yang mendapat 9A untuk dipertimbangkan bagi biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

-- BERNAMA

AT MFJ LAT

